

Pendekatan baru DBKL bantu golongan miskin

KUALA LUMPUR 19 Julai – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil pendekatan baru dalam membantu golongan miskin supaya mereka dapat keluar terus daripada kepompong kemiskinan.

Timbalan Pengarah Perkhidmatan DBKL, Datuk Mhd. Amin Nordin Abd. Aziz berkata, pihaknya telah merancang beberapa program untuk meningkatkan lagi pendapatan golongan tersebut.

Menurutnya, bantuan yang diberikan setiap bulan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Baitulmal tidak dapat menampung keseluruhan kos sara hidup golongan tersebut.

Justeru, katanya, DBKL telah menyediakan beberapa program khusus termasuk kursus, motivasi dan beberapa aktiviti lain bagi golongan sasar terabit menambah pendapatan mereka.

"Kami sudah mengenal pasti lebih 1,500 orang di Kuala Lumpur yang terdiri dalam golongan miskin dan miskin tegar.

"Golongan miskin tegar ini berpendapatan di bawah RM420 manakala golongan miskin pula yang berpendapatan sebanyak RM740," katanya pada majlis sumbangan pakaian kepada golongan miskin dan miskin tegar di Menara DBKL di sini baru-baru ini.

Pada majlis itu, seramai 46 orang menerima sumbangan pakaian daripada Syarikat Idaman Hawa Sdn. Bhd.

Mhd. Amin berkata, pendekatan baru itu akan dapat memberikan peluang kepada mereka untuk memulakan perniagaan.

Anak-anak mereka juga, kata Mhd. Amin, berpeluang mengikuti pelbagai bidang latihan yang mampu memberikan mereka pendapatan tanpa perlu bergantung terus kepada bantuan daripada kerajaan.

Katanya lagi, walaupun jumlah mereka yang miskin sudah jauh berkurangan, namun usaha akan terus dilakukan bagi memastikan golongan tersebut terhapus sepenuhnya.



MHD. Amin Nordin Abd. Aziz (kanan) menyampaikan bantuan pakaian kepada golongan miskin di Menara DBKL di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sementara itu, usaha DBKL itu disambut baik oleh golongan tersebut dan berharap mereka akan mendapat peluang untuk menyertai program yang bakal diadakan itu.

Zaiton Md. Tator, 60, berkata, dia bercadang untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh DBKL supaya dapat menambah pendapatan.

"Sekarang baru saya sedar yang DBKL banyak menyediakan kursus bagi membantu golongan seperti kami meningkatkan pendapatan," katanya.

Beliau yang mendapat bantuan Baitulmal sebanyak RM160 sebulan berkata, bantuan itu sememangnya tidak mencukupi kerana beliau terpaksa menanggung tiga lagi anaknya.

"Jika ada peluang berkursus dan berniaga, saya mahu menyertainya supaya beban kewangan saya dapat diringankan," katanya.

Sementara itu, seorang lagi golongan miskin, Aisah Daud, 53, memberitahu, dia bercadang untuk men-

jual kuih selepas ini di depan rumahnya bagi mendapatkan pendapatan tambahan.

Katanya, dia kini sedar bahawa golongan miskin tidak boleh sepenuhnya bergantung harap kepada kerajaan tetapi juga perlu berusaha sendiri.

Dalam pada itu, Noraini Ahmad Yazid, 36, memberitahu, pada masa ini, dia masih terpaksa bergantung kepada bantuan daripada kerajaan.

Katanya, keadaan itu berlaku kerana tiada pihak yang mahu mengambilmnya bekerja.

Dia berharap agar DBKL bukan sahaja membantu golongan seperti ini, dia masih terpaksa bergantung kepada bantuan daripada kerajaan.

"Saya risau tanpa sumber kewangan yang tetap anak-anak saya tidak dapat belajar dengan sempurna sehingga ke peringkat tertinggi," katanya yang mempunyai tiga anak yang masih kecil.